

**PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2024**  
**KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA**

*Assalamulaikum Warahmatullahi-wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, kita masih diberikan ruang dan peluang di tahun baharu 2024. Semoga kedatangan tahun baharu ini akan memberikan iltizam serta semangat baharu kepada semua warga Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

Mengimbau kembali detik-detik penting tahun 2023, JPSM telah melakarkan pelbagai peristiwa yang signifikan. Pencapaian JPSM pada tahun 2023 bukan hanya setakat ruang litup gelanggang dalam negara sahaja, malah terdapat kejayaan yang dikecapi pada arena antarabangsa. Antaranya, JPSM telah diiktiraf sebagai agensi yang Berisiko Rendah bagi tempoh penilaian dari tahun 2020 hingga 2022 dalam Penarafan Risiko Organisasi ke Atas Agensi Awam pada 20 November 2023. JPSM turut diberi Pengiktirafan ASEAN Green Initiative (AGI) melalui *Rehabilitation Programme through Tree Planting Activities under Central Forest Spine (CFS) Management and Development Project* pada 5 Jun 2023.



Dalam pada itu, projek *Improving Connectivity in the Central Forest Spine* (IC-CFS) yang telah dilaksanakan di negeri Perak, Pahang dan Johor sejak 2014 turut telah diiktiraf sebagai di antara projek terbaik bagi *GEF Project di Asian Pacific Region*. Tambahan lagi, Projek Penilaian Perkhidmatan Ekosistem menggunakan *Toolkit for Ecosystem Service Site-based Assessment* atau dikenali sebagai TESSA yang dijalankan sejak tahun 2020 turut telah mencapai objektifnya. Projek ini dilaksanakan di lapan rangkaian ekologi CFS di lapan buah negeri iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu. Kini kesemua negeri terlibat telah berjaya menjalankan kajian penilaian dan pengumpulan data perkhidmatan ekosistem menggunakan TESSA di tapak kajian masing-masing. Kedua-dua projek IC-CFS dan projek TESSA telah sampai ke penghujung tempoh pelaksanaannya dan melabuhkan tirai dengan pencapaian yang cemerlang pada tahun 2023.

Bagi Pihak Pengurusan Tertinggi JPSM, saya ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua warga JPSM di atas komitmen dan kejayaan dalam merealisasikan semua agenda jabatan sepanjang tahun 2023. Adalah menjadi harapan saya agar komitmen warga JPSM dapat diterus dan dipertingkatkan bagi memacu kejayaan dan kegemilangan yang jauh lebih cemerlang.



Untuk tahun 2024, JPSM telah merancang beberapa perancangan penting bagi menjadikan jabatan ini terus berdiri teguh menjadi sebagai salah satu agensi yang berdaya saing, kreatif dan berinovasi. Antara perancangan yang dimaksudkan adalah pemantapan Kempen Penanaman 100 juta pokok, pengukuhan aspek pemeliharaan sumber biodiversiti, perundungan perhutanan, penguatkuasaan hutan, ekopelancongan dan sebagainya. Bersandarkan semangat berpasukan dan kerjasama yang jitu di kalangan warga JPSM, besarlah harapan saya agar semua perancangan ini dapat direalisasikan dengan baik.

Pada kesempatan ini, saya menyeru agar semua warga JPSM dapat menggalas tanggungjawab dan menitikberatkan aspek tadbir urus yang berintegriti dalam penyampaian perkhidmatan kepada orang awam. Pengukuhan tadbir urus melalui ketelusan dan akauntabiliti merupakan teras kecemerlangan JPSM, terutamanya dalam menangkis persepsi negatif terhadap isu-isu pengurusan sumber hutan.

Saya juga berharap agar warga JPSM dapat mengoptimumkan sepenuhnya penggunaan aplikasi digital dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab bagi menghasilkan kualiti kerja yang terbaik. Dalam hal ini, saya menyeru agar warga JPSM meneroka potensi penggunaan *Artificial Intelligence* (AI) dalam pengurusan dan pemeliharaan sumber hutan di Semenanjung Malaysia.

Akhir kata, saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2024 kepada semua warga JPSM. Sematkanlah azam tahun yang baharu agar kita semua dapat mencoretkan kejayaan yang lebih cemerlang.

*Selamat Menyambut Tahun Baharu 2024.*

DATO' INDERA MOHD RIDZA BIN AWANG  
Ketua Pengarah Perhutanan  
Semenanjung Malaysia



[www.forestry.gov.my](http://www.forestry.gov.my)



@jpsmofficial